

BAB 1

1.0 Pengenalan

Kajian mengenai kecekapan pelajar terhadap pembelajaran bahasa kedua sudah banyak dilakukan. Beberapa dapatan kajian daripada pembelajaran bahasa kedua mengatakan bahawa adanya perbezaan bahasa di antara dua bahasa, iaitu bahasa ibunda dan bahasa kedua menyebabkan kesukaran bagi pihak pelajar untuk memahami bahasa kedua tersebut (Fries 1945; Lado 1957). Menurut Lado (1957), faktor lain yang mungkin memberi kesan bagi proses pembelajaran bahasa kedua adalah adanya perbezaan dan persamaan di antara bahasa ibunda pelajar dan bahasa kedua tersebut. Manakala pelajar cenderung untuk menterjemahkan bentuk, makna bahasa dan budaya daripada bahasa ibunda mereka kepada bentuk, makna bahasa dan budaya daripada bahasa yang dipelajari. Beliau cuba membuktikan bahawa bahasa dan budaya ibunda daripada pelajar boleh mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua.

Tarigan (1992), membincangkan perbezaan-perbezaan di antara bahasa ibunda pelajar dan bahasa kedua menyebabkan kesukaran dalam mempelajari bahasa kedua hingga berlakunya kesilapan yang dilakukan oleh pelajar Indonesia. Beliau mengatakan:

Pengaruh bahasa ibu terhadap bahasa kedua sangat menonjol. Apabila pengaruh daripada bahasa ibu tersebut tidak selaras dengan sistem bahasa kedua, maka 'gangguan' dapat terjadi. Gangguan tersebut mungkin menyebabkan kekeliruan dan kesalahan dalam menggunakan bahasa. Gangguan itu sendiri merupakan akibat daripada perbezaan tatabahasa antara dua bahasa. Perbezaan tatabahasa antara dua bahasa tersebut mewujudkan permasalahan dan kesalahan dalam pembelajaran bahasa. (Tarigan, 1992, p. 8).

Menurut Tarigan, kesilapan berbahasa merupakan kesan daripada gangguan yang disebabkan oleh perbezaan di antara dua bahasa dan juga menyebabkan kesukaran dalam pemerolehan bahasa kedua.

Walaupun bagaimanapun, ada beberapa kenyataan yang mengatakan bahawa perbezaan-perbezaan di antara dua bahasa bukan sebab utama hingga berlakunya kesilapan pada pelajar, tetapi, kesilapan berlaku disebabkan oleh kaedah pengajaran (Hama, 2005; Aramaki, 2003) serta kefahaman yang tidak sempurna mengenai bahasa kedua tersebut (Yoshikawa, 1997; Zoraida Mustafa, 2007).

Kesilapan-kesilapan dalam pembelajaran bahasa kedua tersebut juga berlaku kepada pelajar bahasa Jepun Indonesia (PBJI). Pelajar-pelajar tersebut menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran dan pemahaman bahasa Jepun.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian mengenai pembelajaran bahasa Jepun terhadap PBJI masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik Indonesia. Salah satu kajian kesilapan berbahasa Jepun ke atas PBJI telah disiasat oleh Hama (2005). Beliau mendapati pelajar melakukan kesilapan dalam menghasilkan karangan berbahasa Jepun. Beliau mengatakan kesilapan yang berlaku pada karangan pelajar tersebut bukan hanya semata-mata disebabkan oleh gangguan daripada bahasa ibunda pelajar tersebut, tetapi turut disebabkan oleh teknik pengajaran bahasa kedua yang kurang sesuai dengan pelajar.

Kesilapan dalam berbahasa Jepun yang dihasilkan oleh PBJI juga berlaku pada beberapa aspek. Salah satu di antaranya ialah kesilapan yang dilakukan oleh pelajar tersebut ketika menggunakan kata hubung-kata hubung bahasa Jepun yang tepat. Penyelidik mendapati PBJI menghadapi kesukaran untuk menggunakan kata hubung bahasa Jepun dengan tepat sesuai dengan naungnya. Terutamanya, apabila kata hubung tersebut mempunyai makna yang sama bila diterjemahkan ke dalam bahasa ibunda pelajar, manakala dalam sistem tatabahasa bahasa Indonesia tidak ada kaedah penggunaan yang khusus untuk membezakan penggunaan kata hubung tersebut.

Kajian ini membicarakan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh PBJI dalam menggunakan kata hubung bahasa Jepun yang telah dipilih, iaitu *~tekara* (selepas), *~toki* (ketika) dan *~tara* (jika/bila). Pelajar didapati keliru dan menghadapi kesukaran untuk membezakan kaedah penggunaan antara kata hubung *~tekara* (selepas) dan *~tara* (jika/bila), juga di antara kata hubung *~toki* (ketika) dan *~tara* (ketika). Hal ini menyebabkan berlakunya kesilapan dalam penggunaan kata hubung tersebut dengan tepat dari segi nahunya.

Di dalam bahasa Jepun, khususnya, kata hubung *~tara*, selain menunjukkan kata hubung bersyarat, juga mempunyai makna 'selepas' dan 'ketika'. Walaubagaimanapun, kaedah penggunaan *~tara* yang mempunyai maksud 'selepas' dan 'ketika' adalah berbeza dengan kaedah penggunaan kata hubung *~tekara* (selepas), dan *~toki* (ketika). Pada asasnya, *~tara* yang mempunyai maksud 'selepas' digunakan untuk menyambungkan ayat yang menggambarkan selepas kondisi/syarat pada ayat pertama selesai maka maksud/aksi pada ayat seterusnya juga dapat dilakukan. Manakala *~tekara* (selepas) digunakan untuk menunjukkan urutan aksi/kegiatan. Contoh ayat *~tekara* (selepas) dapat dilihat pada ayat (1), manakala kata hubung bersyarat *~tara* yang mempunyai makna 'selepas' dapat dilihat pada ayat (2) berikut.

(1). *Kono shigoto - o zenbu yat - tekara, biiru - o nomimasu.*

Ini kerja - partikel semua dilakukan - selepas, bir - partikel minum.

< この仕事を全部やっってから、ビールを飲みます。 >

Ind : Setelah menyelesaikan semua pekerjaan ini, saya minum bir.

Mal : Selepas saya siapkan semua kerja ini, saya minum bir.

(Tomomatsu, 2007, p. 173)

- (2). *Ima totta shashin-ga deki - tara, watashi-ni-mo ichi mai kudasai.*
Sekarang ambil gambar - partikel jadi - selepas (syarat), saya - partikel juga satu tolong.

< 今撮った写真ができれば、わたしにも1枚ください。 >

Ind : Setelah photo yang diambil sekarang jadi, saya juga minta 1 lembar.

Mal : Selepas gambar yang diambil sekarang ini jadi, berikan pada saya 1 keping.

(Tomomatsu, 2007, p. 243)

Ayat di atas menunjukkan contoh yang jelas dalam bahasa Indonesia dan bahasa Melayu, keduanya menggunakan perkataan ‘setelah/selepas’ untuk menyambungkan ayat tersebut, manakala dalam bahasa Jepun penggunaan kata hubung bagi kedua ayat tersebut menggunakan perkataan yang berbeza, iaitu *~tekara* dan *~tara*.

Seterusnya, contoh ayat (3) menunjukkan penggunaan *~tara* untuk menyambungkan ayat yang bermaksud ‘ketika’ yang menggambarkan kejadian perkara yang tidak dijangkakan. Manakala ayat (4) menunjukkan penggunaan *~toki* (ketika) yang menggambarkan tempoh masa/pada masa itu dan turut membawa maksud ‘ketika’.

- (3). *Depaato-e it- tara, kyoo-wa yasumi deshita.*
Pasaraya - partikel pergi - ketika, hari ini - partikel cuti.

< デパートへ行ったら、今日は休みでした。 >

Ind : Ketika saya pergi ke pusat belanja, ternyata hari ini tutup.

Mal : Ketika saya pergi ke pusat beli belah, hari ini cuti (pusat membeli belah).

(Tomomatsu, 2007, p. 136)

- (4). *Watashi-ga kega - o shita - toki, haha-wa totemo shinpai-shimashita.*
Saya - partikel cedera - partikel- mendapat ketika, ibu saya - partikel sangat bimbang.

< わたしがけがをしたとき、母はとても心配しました。 >

Ind : Ketika saya mendapat luka di badan, ibu saya sangat khawatir.

Mal : Ketika saya cedera, ibu saya merasa sangat bimbang.

(Tomomatsu, 2007, p. 231)

Seperti dapat dilihat pada ayat (3) dan (4), masing-masing ayat menggunakan perkataan yang berbeza untuk menghubungkan ayat. Walaubagaimanapun, baik bahasa Indonesia dan bahasa Melayu, keduanya menggunakan perkataan ‘ketika’ untuk menghubungkan ayat-ayat ini.

Manakala kajian tentang perbezaan *~tekara* (selepas), *~toki* (ketika) dan *~tara* (jika/bila) telah diselidik oleh Iori (2001), dan Ichikawa (1997, 2005). Ichikawa (2005), menyatakan pelajar bahasa Jepun cenderung untuk berfikir bahawa kaedah penggunaan *~tekara* dan *~tara* adalah sama. Hal ini disebabkan oleh kedua kata hubung tersebut kelihatan sangat mirip dalam penulisan ataupun pengucapannya. Seterusnya, beliau mengatakan:

「～たから」「～てから」「～たら」は学習者が混同しやすい表現です。表記的にも音声でも三者はよく似ているからだと思います。(Ichikawa, 2005, p. 393)

‘Pelajar-pelajar mudah sekali dikelirukan pada penggunaan [*~takara*] [*~ tekara*] dan [*~ tara*], kerana mereka fikir ketiga kata hubung tersebut adalah sama, baik dalam penulisan mahupun dalam pengucapan’.

Seterusnya, Ichikawa menyebutkan bahawa pada beberapa kes, penggunaan *~tekara*, dan *~tara* dapat saling menggantikan di dalam sesebuah ayat, tetapi hal tersebut menyebabkan nuansa makna yang berbeza. Ini adalah disebabkan oleh makna dan kaedah penggunaan *~tekara* dan *~tara* itu sendiri sememangnya berbeza.

Kajian yang berhubungan dengan perbezaan *~toki* dan *~tara* pula telah dipaparkan di dalam *Nihongo no Bunpo* (1991, p. 70-71):

「「～たら」は、「～れば」や「～と」に比べると、やや「～とき」に近いということ・・・「～たら」は単に時間が経過すれば当然実現するような事態に使うのに適しているということがいえそうである。「～たら」という日本語が英語で“when・・・”という表現に対応することが多いが、それはこのような意味で「～たら」が使われているときだと思われる。*Nihongo no Bunpo* (1991, p. 70-71)

‘Makna [*~ tara*] hampir sama dengan makna [*~toki*], apabila dibandingkan dengan kata hubung yang menunjukkan syarat yang lain, iaitu [*~ reba*] and [*~ to*]. Kata hubung [*~tara*] dapat dikatakan sesuai untuk keadaan tersebut apabila kejadian/keadaan pada masa lampau itu sememangnya telah berlaku. Kata hubung [*~ tara*] secara amnya digantikan kepada ‘ketika’ di dalam bahasa Inggeris, kerana kata hubung tersebut dianggap mempunyai penafsiran dan penggunaan yang sama dengan [*~toki*]’.

Sebagaimana telah disebutkan sebelum ini, *~tara* adalah bentuk kata hubung yang menunjukkan syarat, tetapi berdasarkan pernyataan di atas, di dapati bahawa *~tara* juga dapat difahami sebagai ‘ketika’ di dalam bahasa Indonesia dan bahasa Melayu, yang mana makna tersebut sama dengan makna penggunaan *~toki*. Walaubagaimanapun, tidak semua ayat yang didapati menggunakan kata hubung *~toki* dapat digantikan dengan kata hubung *~tara*. Kata hubung *~tara* boleh dikatakan mempunyai maksud yang sama dengan *~toki* (ketika) apabila kedua kata hubung tersebut mempunyai penjelasan dan kaedah aturan penggunaan yang sama di dalam sesebuah ayat.

Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan di atas, persamaan makna dan perbezaan dalam kaedah penggunaan kata hubung *~tekara*, *~toki* dan *~tara*, PBJI menghadapi kesukaran dan kekeliruan yang membawa kepada kekerapan melakukan kesilapan dalam mengaplikasikan ketiga kata hubung ini. Ayat (5), (6) dan (7) berikut menunjukkan kesilapan yang dilakukan oleh PBJI¹.

(5). *Uchi - ni tsui - tekara, ame - ga futteimashita.*
Rumah - partikel tiba - selepas, hujan - partikel turun.

< うちに着いてから, {雨が降っていました。} (?) >

Ind : Setelah saya tiba di rumah, hujan turun.

Mal : Hujan turun, selepas saya tiba di rumah.

Penghubung ayat yang tepat dalam bahasa Jepun bagi ayat (5) di atas ialah *~tara*, kerana ayat tersebut menggambarkan satu kejadian yang kebetulan terjadi, iaitu ketika tiba di rumah, hujan turun. Pengolahan ayat yang tepat bagi ayat (5) di atas adalah seperti berikut:

¹ Data adalah daripada ujian rintis ke atas pelajar Departemen Sastra Jepang, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sumatera Utara (USU), Indonesia, yang telah dijalankan oleh penyelidik pada Oktober 2010.

(5.a). *Uchi - ni tsui - tara, ame - ga futte - imashita.*

Rumah - partikel tiba - ketika, hujan - partikel turun.

< うちに着いたら, 雨が降っていました。(✓) >

Mal : Ketika saya tiba di rumah, hujan turun.

Ind : Ketika saya tiba di rumah, hujan turun.

Ayat di bawah berikut menunjukkan kesilapan yang dilakukan oleh PBJI dalam menggunakan kata hubung *~toki*, yang menunjukkan ‘ketika’.

(6). *Tomodachi - no uchi - e it - ta toki, kare - wa imasen - deshita.*

Kawan - partikel rumah - partikel pergi - ketika, dia (kawan) - partikel tidak ada-past tense copula.

< 友達のうちへ行ったとき、{彼はいませんでした。}(?) >

Ind : Ketika pergi ke rumah teman, dia tidak ada.

Mal : Ketika saya pergi ke rumah kawan, dia tiada.

Penggunaan kata hubung *~toki* pada ayat (6) di atas adalah tidak tepat kerana ayat <彼はいませんでした。> *kare wa imasendeshita* (dia tidak ada) menggambarkan kondisi yang tidak dijangkakan sebelumnya. Walaubagaimanapun, apabila kata hubung *~toki* digantikan dengan *~tara* yang mempunyai makna ‘ketika’, ayat tersebut dapat menjadi tepat dari segi nahunya.

(6.a). *Tomodachi - no uchi - e it - tara, kare - wa imasen - deshita.*

Kawan - partikel rumah - partikel pergi - ketika, dia (kawan) - partikel tidak ada-past tense copula.

< 友達のうちへ行ったら, 彼はいませんでした。(✓) >

Ind : Ketika saya pergi ke rumah teman, dia tidak ada.

Mal : Ketika saya pergi ke rumah kawan, dia tidak ada.

Seterusnya, ayat (7) berikut menunjukkan kesilapan penggunaan *~tara* yang menyebabkan ayat tersebut menjadi kurang tepat dari segi nahunya.

(7). *Nihon - e it - tara, kamera - o kaimashita.*

Jepun - partikel pergi – jika/bila, kamera - partikel beli.

< 日本へ行ったら、{カメラを買いました。}(?) >

Ind : Kalau pergi ke Jepang, saya membeli sebuah kamera.

Mal : Bila saya pergi ke Jepun, saya membeli sebuah kamera.

Ayat tersebut tidak tepat bagi kaedah penggunaan kata hubung *~tara* yang mempunyai makna ‘bila/jika’ ataupun ‘ketika’ yang bersifat andaian. Walaubagaimanapun, ayat tersebut lebih tepat menggunakan *~toki* disebabkan ayat tersebut menjelaskan dua tindakan yang dilakukan dalam konteks semasa.

(7.a). *Nihon - e itta - toki, kamera - o kai - mashita.*

Jepun - partikel pergi – ketika, kamera - partikel beli.

< 日本へ行ったとき、カメラを買いました。(✓) >

Ind : Ketika saya pergi ke Jepang, saya membeli sebuah kamera.

Mal : Ketika saya pergi ke Jepun, saya membeli sebuah kamera.

Berdasarkan pada kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh PBJI tersebut seperti di atas, dapat dikatakan bahawa PBJI cenderung berfikir bahawa kata hubung *~tekara*, *~toki* dan *~tara* mempunyai makna dan kaedah penggunaan yang sama dengan kata hubung dalam bahasa Indonesia, iaitu *setelah* (selepas), *ketika* (ketika), *kalau* (jika/bila).

Dari aspek lain, Roswati, A. Rashid (2002), dalam kajian pembelajaran bentuk kata hubung bersyarat bahasa Jepun *~tara*, *~nara*, *~to*, *~ba*, pada pelajar bahasa Jepun Malaysia (PBJM) menyatakan bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam menggunakan kata hubung tersebut bukan disebabkan oleh gangguan daripada bahasa ibunda pelajar, tetapi, kesilapan berlaku disebabkan oleh kurangnya pemahaman pelajar terhadap bahasa kedua tersebut. Beliau mengatakan bahawa PBJM menjangkakan bentuk-bentuk kata hubung bersyarat bahasa Jepun *~tara*, *~nara*, *~to*, *~ba*, berkongsi makna yang sama dengan kata hubung bersyarat bahasa Melayu ‘jika/bila’. Pelajar yang

tidak dapat menggunakan bentuk kata hubung-kata hubung bersyarat bahasa Jepun tersebut dengan tepat adalah disebabkan oleh kelemahan pelajar dalam memahami dan menguasai bentuk kata hubung bersyarat bahasa Jepun. Manakala Zoraida Mustafa (2007), dalam kajian kesilapan pelajar Melayu di dalam karangan bahasa Jepun menyatakan bahawa salah satu daripada kriteria kesilapan yang dihasilkan oleh pelajar ialah kesilapan dalam penggunaan bentuk kata hubung.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, dan fakta bahawa bahasa Melayu dan bahasa Indonesia adalah berasal dari rumpun bahasa yang sama, kemungkinan permasalahan yang dihadapi dalam pembelajaran bentuk kata hubung bahasa Jepun, *~tekara*, *~toki* dan *~tara* bukan saja berlaku pada PBJI, tetapi juga dihadapi oleh PBJM.

Justeru, bagi mengetahui sama ada PBJM menghadapi masalah yang sama dengan PBJI dalam pembelajaran ketiga bentuk kata hubung, *~tekara*, *~toki* dan *~tara*, satu ujian rintis telah diadakan dalam kalangan PBJM pada Disember 2011. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan daripada PBJM mempunyai komplikasi ketika mengaplikasikan ketiga bentuk kata hubung *~tekara*, *~toki* dan *~tara*.

Ayat (8) dan (9) berikut menunjukkan kesilapan yang dilakukan oleh PBJM ketika melengkapkan ayat dengan menggunakan kata hubung *~tekara*, *~toki* dan *~tara*.

(8). *Asa oki - tekara, ame - ga futteimashita.*

Pagi bangun - selepas, hujan - partikel turun.

< 朝起きてから, {雨が降っていました。} (?) >

Ind : Pagi hari setelah saya bangun tidur, hujan telah turun.

Mal : Pagi hari selepas saya bangun tidur, hujan telah turun.

Ayat yang dihasilkan oleh pelajar <雨が降っていました。> *ame ga futteimashita* (hujan telah turun) lebih tepat menggunakan *~tara* berbanding *~tekara*.

Hal ini disebabkan oleh ayat yang dihasilkan oleh pelajar tersebut menggambarkan satu kondisi yang didapati oleh si penutur ketika dia bangun dari tidur. Pengolahan ayat yang tepat bagi ayat tersebut ialah seperti berikut.

(8.a). *Asa oki - tara, ame - ga fut - te - imashita.*

Pagi bangun - ketika, hujan - partikel turun.

< 朝起きたら, 雨が降っていました。(✓) >

Ind : *Pagi hari, ketika saya bangun tidur, hujan telah turun.*

Mal : *Pagi hari ketika saya bangun tidur, hujan telah turun.*

Seterusnya, ayat berikut menunjukkan kesilapan pelajar ketika melengkapkan penghubung ayat *~toki*, yang mempunyai makna 'ketika'.

(9). *Kaban - o akeru -toki, kyookasho - ga nakatta.*

Beg - partikel buka - ketika, buku teks - partikel tidak ada.

< かばんを開けるとき、{教科書がなかった。}(?) >

Ind : *Ketika saya buka tas, buku teks tidak ada disana.*

Mal : *Ketika saya buka beg, buku teks tidak ada.*

Penggunaan *~toki* pada ayat (9) di atas adalah tidak sesuai dengan nahunya. Hal ini disebabkan ayat <かばんを開けるとき、_ > *kaban o akeru toki* (ketika saya membuka beg) harus diikuti oleh ayat yang menunjukkan aksi/kegiatan. Manakala ayat yang dihasilkan oleh pelajar <教科書がなかった。> *kyookasho ga nakatta* (buku teks tidak ada) menunjukkan perkara yang tidak dijangkakan. Walaubagaimanapun, apabila *~toki* digantikan dengan *~tara*, maka ayat tersebut menjadi tepat dari segi nahunya.

(9.a). *Kaban - o ake - tara, kyookasho - ga na - katta.*

Beg - partikel buka - ketika, buku teks - partikel tidak ada.

< かばんを開けたら, 教科書がなかった。(✓) >

Ind : *Ketika saya membuka tas, buku pelajaran tidak ada.*

Mal : *Ketika saya buka beg, buku teks tidak ada.*

Merujuk kepada contoh-contoh ayat (8) dan (9) di atas, dapat dikatakan bahawa PBJM juga menghadapi masalah yang hampir sama dalam menggunakan bentuk kata hubung *~tekara*, *~toki* dan *~tara* dan membezakan kaedah penggunaan yang tepat.

Persoalan daripada kajian ini ialah:

1. Apakah keupayaan secara keseluruhan PBJI dan PBJM dalam memahami bentuk kata hubung *~tekara*, *~toki* dan *~tara*?
2. Adakah persamaan terjemahan *~tekara*, *~toki* dan *~tara* ke dalam bahasa ibunda PBJI dan PBJM mempengaruhi kedua kumpulan pelajar dalam menggunakan *~tekara*, *~toki* dan *~tara* dengan tepat?

Justeru, satu kajian penyelidikan komparatif diperlukan untuk menjawab soalan-soalan tersebut.

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian mengenai kata hubung *~tekara*, *~toki* dan *~tara* telah banyak diselidiki sebelum ini dalam kelompok kata hubung bersyarat, iaitu (*~tara*, *~nara*, *~to*, *~ba*). Walaubagaimanapun, kajian khusus tentang pembelajaran *~tekara*, *~toki* dan *~tara*, masih belum pernah dilakukan ke atas PBJI dan PBJM. Oleh sebab itu, kajian ini dianggap sebagai kajian komparatif awal bagi pelajar kedua negara mengenai pembelajaran kata hubung *~tekara*, *~toki* dan *~tara*.

Pada asasnya, pelajar bahasa Jepun akan mula belajar bahasa Jepun daripada peringkat *shokyuu* (permulaan). Pada peringkat tersebut, pelajar belajar tentang *~tekara* yang digunakan sebagai kata hubung yang menunjukkan ‘selepas’ atau ‘sejak’, manakala kata hubung bersyarat *~tara* digunakan untuk menunjukkan ‘jika/bila’ dan ‘selepas itu’. Seperti yang telah dijelaskan sebelumnya, meskipun *~tara* juga

mempunyai makna ‘selepas itu’ yang mirip dengan makna *~tekara*, tetapi kaedah penggunaan kedua bentuk kata hubung tersebut adalah berbeza. *~tekara* digunakan untuk menyambungkan dua ayat yang masing-masingnya menunjukkan aksi/kegiatan yang berurutan, manakala *~tara* menggambarkan bahawa kandungan ayat sebelum *~tara* menjadi keharusan syarat bagi kejadian/aksi ayat selepas *~tara*. Contoh ayat berikut menunjukkan penggunaan *~tekara* (10) dan *~tara* (11).

(10). *Saki - ni furo – ni hait – tekara , shokuji - ni shiyoo.*

Terlebih dahulu-partikel tab mandi-partikel masuk - selepas, makan-partikel mari.

< 先に風呂に入ってから、食事にしよう。(✓)>

Ind : *Ayo kita makan setelah mandi.*

Mal: Mari kita makan selepas mandi.

(Sunagawa, 1998, p. 248)

(11). *Sukudai - o sun – dara , asobi - ni itte – mo - iiyo.*

Kerja rumah - partikel selesai – selepas itu, bermain - partikel pergi- partikel boleh.

< 宿題が済んだら、遊びに行ってもいいよ。(✓)>

Ind : *Setelah pekerjaan rumah selesai, kamu boleh pergi bermain.*

Mal: Selepas kerja rumah selesai, boleh pergi main.

(Sunagawa, 1998, p. 206)

Walaupun bagaimanapun, kebanyakan daripada PBJI dan PBJM berfikir bahawa kata hubung *~tara* hanya mempunyai makna sebagai ‘jika/bila’ sahaja, dan sering keliru mengenali *~tara* sebagai kata hubung bersyarat dengan makna ‘selepas itu’.

Pada peringkat *shokyuu* juga, pelajar belajar tentang kata hubung *~toki* yang digunakan untuk menunjukkan konteks masa atau tempoh masa daripada dua aksi/tindakan. Berikut adalah contoh ayat penggunaan *~toki*.

(12). *Chichi - wa shinbun - o yomu - toki , megane - o kakemasu.*
Ayah-partikel akhbar - partikel baca - ketika, cermin mata - partikel pasang.

< 父は新聞を読むとき、眼鏡をかけます。(✓) >

Ind : Ayah memakai kacamata ketika akan membaca Koran.

Mal: Ayah memakai cermin mata ketika (akan) membaca akhbar.

(Sunagawa, 1998, p. 323)

Seterusnya, diperingkat *chukyuu* (pertengahan), pelajar juga akan belajar tentang *~tara* dengan makna 'ketika', tetapi dengan kaedah penggunaan yang berbeza dengan *~toki*. Seperti telah disebutkan sebelumnya *~tara* pada peringkat ini digunakan untuk menghubungkan ayat yang menunjukkan berlakunya perkara yang tidak dijangkakan.

Makna *~tara* yang hampir sama dengan makna *~tekara*, dan *~toki* ini, kerap mengelirukan pelajar kerana kaedah penggunaan yang berbeza.

1.3 Ruang Lingkup dan Batasan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada pembelajaran bentuk kata hubung bahasa Jepun iaitu *~tekara*, *~toki* dan *~tara*, dalam kalangan PBJI dan PBJM melalui pemerhatian dan analisis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar semasa menggunakan kata hubung tersebut.

Satu set soal selidik diberikan kepada PBJI dan PBJM bagi menyiasat sama ada mereka mempunyai masalah yang sama dalam mengaplikasikan kata hubung *~tekara*, *~toki* dan *~tara*. Responden daripada kajian ini mempunyai kecekapan berbahasa Jepun

yang hampir sama dengan kecekapan *Japanese Language Proficiency Test (JLPT)*² pada tahap N5³, N4⁴ dan N3⁵.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai dua objektif utama, iaitu:

1. Untuk mengenal pasti penggunaan kata hubung *~tekara*, *~toki* dan *~tara* di antara PBJI dan PBJM dan kekeliruan yang dilakukan.
2. Untuk mengenal pasti punca kekeliruan yang dihasilkan oleh PBJI dan PBJM ketika menggunakan *~tekara*, *~toki* dan *~tara*.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk mengetahui dengan lebih dekat perbezaan pembelajaran bahasa Jepun dalam kalangan PBJI dan PBJM, khususnya untuk kata hubung, *~tekara*, *~toki* and *~tara*. Dapatan kajian ini memberikan bentuk-bentuk kesilapan yang berlaku dan menghuraikan punca daripada kesilapan yang dihasilkan oleh para pelajar. Dapatan kajian ini juga boleh menyokong fakta kajian mengenai kesilapan yang dilakukan oleh pelajar bahasa Jepun (PBJ) yang pernah dijalankan oleh Ichikawa (1997, 2005). Ichikawa menjalankan analisis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar bahasa Jepun di Asia, khususnya pada pelajar penutur bahasa Indonesia dan bahasa Melayu dalam mempelajari *~tekara*, *~toki* dan *~tara*.

² *The Japanese-Language Proficiency Test (JLPT)* ialah satu bentuk ujian yang diselenggarakan oleh *Japan Foundation* dan *Japan Educational Exchanges and Services*, sejak 1984. Ujian ini dipercayai untuk menilai dan mengesahkan kecekapan dan penguasaan bahasa Jepun daripada bukan penutur natif bahasa Jepun. JLPT mempunyai lima peringkat berbeza, iaitu: N1, N2, N3, N4 dan N5. Peringkat yang paling mudah ialah N5 dan peringkat yang paling sukar ialah N1. N4 dan N5 adalah tahap untuk mengukur kefahaman bahasa Jepun asas, terutamanya yang dipelajari di dalam kelas. N1 dan N2 adalah tahap untuk mengukur kefahaman bahasa Jepun dalam pelbagai tabir kehidupan keseharian. N3 ialah tahapan di antara N1/N2 dan N4/N5. (<http://www.jlpt.jp/e/about/purpose.html>)

³ N5 ialah tahap paling mudah di dalam JLPT. Pada tahap N5 adalah pelajar dapat membaca dan memahami ungkapan-ungkapan yang biasa dan ayat-ayat yang ditulis dalam aksara bahasa Jepun dan *Kanji* asas. Pelajar juga dapat mendengar dan memahami perbualan biasa dalam kehidupan harian dan situasi di dalam bilik darjah. (<http://www.jlpt.jp/e/about/levelsummary.html>)

⁴ N4 ialah satu tahap di atas N5. Pada tahap ini pelajar dapat membaca dan memahami petikan mengenai topik-topik keseharian yang tidak rasmi yang dituliskan di dalam perbendaharaan kata asas dan *Kanji*. Pelajar juga mampu mendengar dan memahami perbualan biasa dalam kehidupan keseharian dan memahami kandungannya secara amnya, dan dapat bercakap bahasa Jepun dengan perlahan-lahan. (<http://www.jlpt.jp/e/about/levelsummary.html>)

⁵ N3 ialah satu tahap di atas N4. Pada tahap ini pelajar dapat membaca dan memahami bahan-bahan yang ditulis dengan tumpuan khusus mengenai topik-topik dalam kehidupan keseharian, dan dapat memahami ringkasan maklumat seperti tajuk akhbar, membaca tulisan-tulisan yang agak sukar dalam kehidupan keseharian dan memahami idea-idea utama daripada satu kandungan. Pelajar juga boleh mendengar dan memahami perbualan yang rasional dalam situasi keseharian, dapat bercakap pada kelajuan dekat dengan natural. (<http://www.jlpt.jp/e/about/levelsummary.html>)

Seterusnya, dapatan kajian ini juga dapat memberi gambaran sama ada latar belakang bahasa ibunda yang hampir sama di antara pelajar mempengaruhi kesilapan yang dihasilkan oleh pelajar.

Akhir sekali, kajian ini dapat memberikan pandangan yang berbeza ke atas kajian kata hubung bahasa Jepun yang pernah ada dilakukan. Pada umumnya, kajian ke atas kata hubung bahasa Jepun dijalankan pada satu kumpulan kata hubung yang bersinonim, seperti kajian lepas yang telah dilakukan oleh Roswati, A. Rashid (2002) ke atas pelajar Melayu mengenai penggunaan kata hubung bersyarat, iaitu *~tara*, *~nara*, *~to*, *~ba* yang mempunyai makna yang sama, iaitu 'jika/bila'. Manakala kajian ini mengambil satu konsep baru dari segi pandangan bahasa Indonesia dan bahasa Melayu, iaitu 'setelah/selepas, ketika, dan jika/bila'. Hal ini disebabkan oleh pelajar cenderung berfikir *~tekara*, *~toki* dan *~tara* adalah sama dengan 'setelah/selepas, ketika, dan jika/bila' yang menyebabkan berlakunya kesilapan-kesilapan ketika menggunakan ketiga-tiga kata hubung ini.